

# Hotel Klana Resort Seremban agih 4,000 bubur lambuk

SEREMBAN - Sempena bulan mulia ini, Hotel Klana Resort Seremban mengagihkan sebanyak 4,000 bungkus bubur lambuk kepada penduduk sekitar bandar ini di hadapan hotel tersebut baru-baru ini.

Pengurus Besarnya, Mohd. Yazid Mustaffa berkata, pengagihan juadah istimewa itu merupakan program tahunan sempena Ramadan berkonsepkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Katanya, agihan beg plastik mengandungi dua bekas bubur berlangsung selama tiga jam bermula pukul 4 petang di ha-

dapan pintu masuk utama ke hotel berkenaan.

"Sejak dimulakan pada 2012, bubur labuk Hotel Klana Resort Seremban sememangnya mendapat sambutan dan menjadi sebutan dalam kalangan masyarakat di sekitar kawasan ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Sementara itu, Cef Eksekutif hotel tersebut, Abdul Razak Abdul Ghani berkata, sebanyak 70 kilogram beras digunakan untuk penyediaan bubur lambuk yang dimasak oleh 10 orang petugas.

"Kita menggunakan 11 periuk besar bagi memasak bubur

lambuk. Antara bahan-bahan yang dicampurkan dalam juadah ini adalah daging kambing, ayam dan udang," ujarnya.

Tambahnya, pada tahun ini, pihaknya menambah kira-kira 1,500 bungkus juadah istimewa Ramadan itu berbanding sekitar 3,000 bungkus pada tahun sebelumnya berikutan sambutan yang baik.

---

MOHD. YAZID (empat dari kiri) bersama kakitangan Hotel Klana Resort Seremban menunjukkan bubur lambuk yang diagihkan kepada orang ramai di hadapan hotel itu baru-baru ini.

